

'Hak prerogatif Perdana Menteri perlu dihormati'



Mohamad (tengah) pada sidang media di Konvensyen Nasional 2025 AMANAH di Shah Alam, semalam.

Shah Alam: Parti Amanah Negara (AMANAH) mengambil pendirian, sebarang rombakan Kabinet ialah hak prerogatif Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang perlu dihormati.

Presiden AMANAH, Datuk Seri Mohamad Sabu, menegaskan Perdana Menteri bebas memilih sama ada mahu mengekalkan, menukar atau melantik tokoh politik, profesional, ahli parti atau individu luar dalam rombakan Kabinet.

“Untuk (rombakan) Kabinet, ini hak Perdana Menteri yang dipanggil prerogatif. Beliau boleh ambil orang politik, profesional atau dalam parti atau luar parti.

“Untuk AMANAH, kita terima sahaja keputusan yang dibuat kerana yang penting kita kena jaga dan kuatkan

pasukan,” katanya pada sidang media di Konvensyen Nasional 2025 AMANAH, di sini, semalam.

Mohamad yang juga Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, mengulas rombakan Jemaah Menteri yang dijangka dibuat Perdana Menteri susulan kekosongan jawatan beberapa menteri yang berlaku dan akan berlaku berikutan penggal senator tamat.

Katanya, beliau menyerahkan urusan berkenaan sepenuhnya kepada Perdana Menteri, walaupun jika portfolio yang disandangnya ketika ini ditukar.

Beliau juga memaklumkan AMANAH belum berbincang dengan Anwar mengenai jawatan Kabinet atau penggal baharu senator bagi beberapa menteri yang tempoh mereka hampir tamat.